

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

Gaji menteri tak mungkin dikurang kata Dr. Mahathir

KUALA LUMPUR, Selasa — Gaji Menteri, Timbalan Menteri serta Setiausaha Parlimen tidak mungkin dikurangkan. Bagaimanapun, beberapa elaun mereka mungkin dihapuskan.

Demikian ditegaskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, ketika diminta mengulas mengenai perkembangan kajian terhadap usaha memotong gaji dan elaun Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen.

Belliau menegaskan di sidang akhbar sesudah mempengerusikan sidang mingguan Kabinetnya minggu lalu: "Kita masih mengkaji kemungkinan memotong gaji dan elaun ini. Bagaimanapun, mungkin kita tidak mengurangkan gaji seseorang Menteri, Timbalan Menteri atau pun Setiausaha Parlimen.

"Sebaliknya kita akan

mengkaji elaun mereka dan mungkin memansuhkan elaun yang didapati kurang wajar."

Datuk Seri Dr. Mahathir enggan mengulas lebih lanjut mengenai perkara itu.

Baru-baru ini, sewaktu merasmikan sidang Kesatuan Sekerja Perkhidmatan Teknik Malaysia di sini, Perdana Menteri berkata, beliau dan Timbalannya, Datuk Musa Hitam sedang mengkaji kemungkinan memotong gaji serta elaun Menteri, Timbalan Menteri serta Setiausaha Parlimen.

Perdana Menteri kini menerima gaji \$8,500 sebulan serta beberapa elaun lain yang setimpal dengan tanggungjawabnya sebagai ketua pentadbir negara. Timbalannya pula memperoleh gaji bulanan \$7,550 serta elaun dan kemudahan lainnya.